

Bil. S 37

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3) dan (5))

PERINTAH PERBEKALAN TAMBAHAN (2015/2016) (BIL. 2), 2017

BAHAWASANYA Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan suatu Pemasyhuran Darurat bertarikh 26 haribulan Januari 2017 telah mengisytiharkan dan memasyhurkan mulai dari tarikh tersebut suatu keadaan darurat bagi seluruh Negara Brunei Darussalam.

DAN BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa apabila suatu Pemasyhuran Darurat telah dibuat dan selagi Pemasyhuran tersebut berkuat kuasa, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh membuat apa jua Perintah pun yang Baginda fikirkan dikehendaki bagi kepentingan orang ramai.

DAN BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh Perkara 83(5) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, dengan Perintah tersebut, membuat semua peruntukan kewangan yang difikirkan perlu oleh Baginda selama tempoh darurat itu, termasuk peruntukan bagi perkhidmatan awam.

DAN BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh bab 10(3) dari Perintah Perlembagaan (Prosedur Kewangan) bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, jika Baginda berpuas hati bahawa suatu keperluan yang segera dan tidak diduga telah timbul bagi perbelanjaan yang tidak ada dalam peruntukan lain dan wang tidak dapat diadakan di bawah bab 13(4) dari Perintah Perlembagaan (Prosedur Kewangan), membuat pinjaman dari Kumpulanwang Luarjangka untuk memenuhi keperluan itu.

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang lima bilion tujuh ratus juta ringgit (\$5,700,000,000.00) telah diperuntukkan oleh Akta Perbekalan (2015/2016), 2015 (Akta 1 tahun 2015).

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang dua ratus dua juta, dua ratus empat puluh ribu, lima ratus empat puluh sembilan ringgit dan tiga puluh tujuh sen (\$202,240,549.37) telah diperuntukkan oleh Perintah Perbekalan Tambahan (2015/2016) (Bil. 1), 2017.

DAN BAHAWASANYA adalah sekarang perlu untuk mengadakan satu peruntukan tambahan sebanyak tiga belas juta, lapan ratus enam puluh lima ribu, dua ratus lima puluh ringgit (\$13,865,250.00).

OLEH YANG DEMIKIAN MAKA, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dan (5) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Perbekalan Tambahan (2015/2016) (Bil. 2), 2017.

Perbelanjaan tambahan bagi tahun 2015/2016, peruntukan dan penggantian jumlah wang yang dipinjam dari Kumpulanwang Luarjangka.

2. (1) Pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi tiga belas juta, lapan ratus enam puluh lima ribu, dua ratus lima puluh ringgit (\$13,865,250.00) dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi perbelanjaan ke atas perkhidmatan-perkhidmatan yang dinyatakan dalam ruang kedua Jadual bagi tahun 2015/2016, yang tidak diperuntukkan atau tidak diperuntukkan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan (2015/2016), 2015 (Akta 1 tahun 2015) dan Perintah Perbekalan Tambahan (2015/2016) (Bil. 1), 2017, adalah dengan ini dibenarkan.

- (2) Bagi maksud-maksud cerai (1), jumlah wang yang dinyatakan dalam ruang ketiga Jadual adalah diperuntukkan bagi tajuk perbelanjaan yang dinyatakan dalam ruang pertama.

- (3) Penggantian jumlah wang tersebut dengan jumlah wang yang dinyatakan dalam ruang keempat Jadual, yang merupakan jumlah wang yang dipinjam dari Kumpulanwang Luarjangka, adalah dengan ini dibenarkan.

JADUAL

[1] Tajuk perbelanjaan	[2] Gelaran	[3] Jumlah wang yang diperuntukkan	[4] Pinjaman dari Kumpulan- wang Luarjangka
JABATAN PERDANA MENTERI			
SA01A	Jabatan Perdana Menteri	\$865,250.00	\$865,250.00

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

JADUAL (Sambungan)

[1] Tajuk perbelanjaan	[2] Gelaran	[3] Jumlah wang yang diperuntukkan	[4] Pinjaman dari Kumpulan- wang Luarjangka
KEMENTERIAN KEWANGAN			
SD01A	Jabatan Kementerian Kewangan	\$10,000,000.00	\$10,000,000.00
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN			
SN01A	Jabatan Kementerian Perhubungan	\$3,000,000.00	\$3,000,000.00
		<u>\$13,865,250.00</u>	<u>\$13,865,250.00</u>

Diperbuat pada hari ini 11 haribulan Rejab, Tahun Hijrah 1438 bersamaan dengan 8 haribulan April, 2017 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM